



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

SIJIL KECEKAPAN BAHASA MELAYU BAGI WARGANEGARA ASING (SKBMW) TAHUN 2021

PANDUAN MENDUDUKI UJIAN SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*)

1.	Calon akan menduduki ujian SKBMW tahun 2021 secara dalam talian (<i>online</i>).
2.	Calon mesti mempunyai capaian internet yang baik semasa menduduki ujian .
3.	Calon mesti menggunakan komputer sahaja untuk menduduki ujian kemahiran Menulis , kemahiran Membaca , dan kemahiran Mendengar .
4.	Calon perlu memastikan spesifikasi minimum komputer bagi menduduki ujian kemahiran Menulis , kemahiran Membaca , dan kemahiran Mendengar adalah seperti berikut:
4.1	Sistem pengoperasian (OS): Windows 7 atau yang setara atau yang lebih tinggi ;
4.2	Perisian Pelayar (<i>Browser</i>): Chrome versi 96.0 atau Firefox versi 83 , Safari V14 atau yang setara atau yang lebih tinggi ;
4.3	Resolusi minimum paparan: 1080 x 720 ;
4.4	Kelajuan internet: Sekurang-kurangnya 10 mbps ; dan
4.5	Mempunyai peranti audio, iaitu pembesar suara, <i>head set</i> atau <i>ear phone</i> yang baik.
5.	Calon boleh menggunakan sebarang gajet seperti komputer, tab, dan telefon bimbit yang dilengkapi dengan <i>web cam</i> /kamera untuk memaparkan wajah calon semasa calon menduduki ujian kemahiran Bertutur .
6.	Calon yang menggunakan telefon bimbit perlu memuat turun aplikasi Lifesize yang akan digunakan untuk ujian kemahiran Bertutur , manakala calon yang menggunakan komputer pula boleh terus menggunakan web browser tanpa perlu memuat turun aplikasi Lifesize .
7.	Calon perlu mendapatkan pautan (link) untuk masuk (<i>log in</i>) ke dalam sistem bagi menduduki ujian mengikut komponen ujian pada tarikh dan waktu ujian . Pautan tersebut boleh diperolehi daripada slip pendaftaran Ujian SKBMW (SKBMW/D) melalui pautan http://webmpm1.mpm.edu.my/SKBMWD/ .
8.	Calon juga boleh merujuk maklumat berkaitan Angka Giliran, Nombor ID, Kata Laluan, dan Passcode Lifesize untuk ujian kemahiran Membaca, kemahiran Mendengar, dan kemahiran Menulis serta nombor Passcode Lifesize untuk ujian kemahiran Bertutur pada slip pendaftaran Ujian SKBMW (SKBMW/D).

9.	Calon perlu ke pautan ujian dan log-in ke dalam sistem ujian selewat-lewatnya 10 minit sebelum waktu ujian komponen kemahiran Bertutur bermula dan selewat-lewatnya 15 minit sebelum waktu ujian komponen kemahiran Membaca, kemahiran Menulis, dan kemahiran Mendengar bermula.
10.	Calon perlu menggunakan pautan Lifesize yang diberikan pada slip pendaftaran Ujian SKBMW (SKBMW/D) untuk membuka (<i>switch on</i>) web cam komputer untuk memaparkan wajah calon semasa calon menduduki ujian kemahiran Membaca, kemahiran Menulis, dan kemahiran Mendengar.
11.	Calon perlu ke pautan ujian kemahiran Bertutur yang terdapat dalam SKBMW/D dan log-in bagi menduduki ujian kemahiran Bertutur. Calon hendaklah menunggu sehingga kebenaran untuk diuji diberikan oleh pemeriksa ujian kemahiran Bertutur.
12.	Calon tidak akan diberikan tambahan masa sekiranya calon lewat memasuki sistem untuk menduduki ujian bagi sesuatu komponen. Calon yang tidak <i>log in</i> ke dalam sistem ujian akan dianggap TIDAK HADIR dan tiada ujian ulangan akan diberikan kepada calon.
13.	Calon perlu berada di bilik yang tidak ada gangguan bunyi dan tidak ada orang lain di sekeliling beliau semasa menduduki ujian.
14.	Calon perlu memastikan Pasport atau Lesen Memandu atau My Number yang digunakan semasa pendaftaran dan slip pendaftaran ujian SKBMW (SKBMW/D) ada bersama-sama dengan calon di sepanjang tempoh menduduki ujian. Calon hendaklah memaparkan Pasport atau Lesen Memandu atau My Number atau slip SKBMW/D sekiranya diminta oleh pengawas ujian.
15.	Calon dinasihatkan membaca Arahan Kepada Calon yang terpapar pada skrin komputer sebelum mula menjawab soalan. Baki waktu menjawab soalan dan nombor soalan dipaparkan pada skrin komputer semasa ujian kemahiran Membaca, kemahiran Menulis, dan Mendengar. Untuk makluman, kotak nombor soalan berwarna hijau apabila calon telah menjawab soalan nombor tersebut. Kotak nombor soalan berwarna kuning apabila soalan nombor tersebut belum dijawab oleh calon. Manakala kotak nombor soalan berwarna putih apabila soalan nombor tersebut belum dilihat atau dibaca oleh calon.
16.	Calon boleh menekan butang SETERUSNYA yang disediakan pada skrin ujian kemahiran Membaca, kemahiran Menulis, dan Mendengar untuk ke soalan/skrin seterusnya dan menekan butang KEMBALI untuk melihat kembali soalan pada skrin sebelumnya. Jawapan yang telah dijawab akan disimpan (save) secara automatik .
17.	Calon tidak boleh melihat kembali soalan sekiranya telah menekan butang HANTAR pada skrin terakhir ujian kemahiran Membaca, kemahiran Menulis, dan kemahiran Mendengar atau sekiranya calon menekan butang HANTAR pada waktu ujian bagi sesuatu kemahiran telah tamat.
18.	Calon yang didapati melakukan salah laku semasa menduduki ujian seperti meniru daripada mana-mana sumber, meminta orang lain untuk menduduki ujian bagi pihak calon, atau lain-lain kesalahan akan dilaporkan kepada pihak tempat calon bertugas atau tempat calon belajar untuk tindakan lanjut dan keputusan calon akan DIBATALKAN .
19.	Calon digalakkan untuk mencuba Percubaan Sistem Menduduki Ujian SKBMW untuk ujian kemahiran Membaca, kemahiran Menulis, dan Mendengar melalui pautan https://mpm.aplication.solution.com dari 20 hingga 26 Disember 2021 bagi tujuan penyesuaian calon dengan sistem ujian SKBMW secara dalam talian.

20.	Calon boleh menghubungi MPM sekiranya menghadapi masalah sebelum hari ujian melalui e-mel skbmw@mpm.edu.my atau telefon di talian +603-6126 1634/+603 6126 1633/+603-6126 1753 atau melalui kumpulan (group) SKBMW 2021 di aplikasi LINE (calon perlu terlebih dahulu mendaftar di pautan http://line.me/ti/g/cOM37FecVO untuk menyertai kumpulan (group) ini).
21.	Calon boleh menghubungi MPM melalui e-mel skbmw@mpm.edu.my atau atau telefon di talian hotline MPM, iaitu +603-6126 1765/+603-6126 1766/+603-6126 1767/+603-6126 1768 , atau melalui kumpulan (group) SKBMW 2021 di aplikasi LINE (calon perlu terlebih dahulu mendaftar di pautan http://line.me/ti/g/cOM37FecVO untuk menyertai kumpulan (group) ini) sekiranya menghadapi masalah pada tarikh dan waktu ujian berlangsung.
22.	Calon boleh menyemak keputusan ujian melalui portal MPM di http://www.mpm.edu.my . Keputusan akan diumumkan dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh ujian

BAHAGIAN PEMBINAAN DAN PENGENDALIAN KOMPETENSI
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
NOMBOR TELEFON: +603-6126 1634
NOMBOR FAKSIMILE: +603-6126 1781
E-MEL: skbmw@mpm.edu.my